

**JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI**

**PENGURUSAN DAN PELAKSANAAN PEPERIKSAAN AKHIR/ PENILAIAN AKHIR
DENGAN KAEDAH PENILAIAN ALTERNATIF
POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI BAGI SESI 1: 2021/2022**

SOALAN LAZIM (FAQ)

- 1. Adakah kita masih akan melaksanakan Peperiksaan Akhir/ Penilaian Akhir dengan kaedah Penilaian Alternatif bagi Sesi 1: 2021/2022?**

Ya. Arahan Pelaksanaan Peperiksaan Akhir/ Penilaian Akhir (PA) dengan Kaedah Penilaian Alternatif (PAIt) bagi Sesi 1: 2021/ 2022 adalah dikekalkan. Surat JPPKK. BPN. 600-8/1/4 (18) bertarikh 13 Oktober 2021 adalah dirujuk.
- 2. Bagaimana penyelarasan Peperiksaan Akhir/ Penilaian Akhir PAIt?**

Peperiksaan Akhir/ Penilaian Akhir PAIt diselaraskan melalui Garis Panduan Pengurusan dan Pelaksanaan Peperiksaan Akhir/ Penilaian Akhir dengan Kaedah Penilaian Alternatif Politeknik dan Kolej Komuniti yang telah diedarkan melalui Surat JPPKK.BPN.100 – 1/7/1(28) bertarikh 10 November 2021.
- 3. Mengapa tidak dilaksanakan Peperiksaan Akhir/ Penilaian Akhir berpusat memandangkan pelajar telah dibenarkan kembali ke kampus?**

Peperiksaan Akhir/ Penilaian Akhir dengan kaedah Penilaian Alternatif adalah kelonggaran yang diberikan pada semester ini kerana negara masih belum bebas daripada pandemik Covid-19. Kemungkinan akan berlaku PKP, PKPD atau kuarantin secara lokaliti atau individu. Pelaksanaan di institusi dalam menghadapi pasca covid juga berbeza-beza mengikut kemampuan fasiliti sedia ada.

4. Adakah Peperiksaan Akhir/ Penilaian Akhir dengan kaedah Penilaian Alternatif boleh dilaksanakan secara bersemuka?

Boleh. Peperiksaan Akhir/ Penilaian Akhir secara Penilaian Alternatif boleh dilaksanakan secara bersemuka atau secara dalam talian sama ada segerak atau tidak segerak.

(Rujuk Garis Panduan Perkara 1.3)

5. Sekiranya boleh dilaksanakan secara bersemuka apakah perbezaan Peperiksaan Akhir/ Penilaian Akhir dan Peperiksaan Akhir/ Penilaian Akhir PAIt?

Peperiksaan Akhir dilaksanakan secara berpusat di bawah pengurusan JPPKK. Peperiksaan Akhir dengan kaedah Penilaian Alternatif dilaksanakan di bawah pengurusan institusi masing-masing. Bersemuka atau secara dalam talian adalah kelonggaran kaedah pelaksanaan yang diberikan.

(Rujuk Garis Panduan Perkara 1.2).

6. Apakah pertimbangan untuk menentukan Peperiksaan Akhir/ Penilaian Akhir PAIt sama ada secara segerak atau tidak segerak?


Perincian	Segerak (Synchronous)	Tidak Segerak (Asynchronous)
Definisi	Soalan diberikan kepada pelajar semasa sesi <i>online (real time)</i> dan perlu dijawab dalam tempoh yang lebih pendek dengan pengawasan pensyarah secara jarak jauh sepanjang tempoh penilaian.	Soalan peperiksaan dimuat turun oleh pelajar pada masa yang ditetapkan dan tempoh menjawab soalan lebih panjang tanpa pengawasan pensyarah.
Kesesuaian Pelaksanaan	Pelajar mestilah mempunyai talian internet yang baik dan stabil sepanjang tempoh penilaian. Kemudahan komputer/peranti yang mempunyai kamera.	Pelajar yang mempunyai talian internet lemah dan tidak stabil. Kemudahan komputer/peranti tanpa kamera.
Jadual PA	Pelaksanaan dalam tempoh peperiksaan akhir yang ditetapkan dalam kalendar akademik.	
Tempoh Penilaian	Tempoh penilaian adalah antara 1 – 2 jam sahaja mengikut jadual PA yang telah ditetapkan. Pensyarah perlu membuat pertambahan masa 30 minit	Tempoh maksima 2 hari. Soalan tidak boleh diberikan sebelum tarikh peperiksaan akhir bermula dan jawapan dikumpulkan selepas tamat

	persediaan dan 30 minit penghantaran jawapan.	peperiksaan akhir.
Penyerahan Kertas Soalan	Pelajar perlu hadir penilaian dan menerima kertas soalan semasa penilaian bermula.	Pelajar perlu memuat turun kertas soalan dalam tempoh 3 jam dari tarikh dan masa mula penilaian.
Bentuk Penilaian	<i>Online Exam</i> <i>Interview</i>	<i>Take Home</i> <i>Open Book</i> <i>Portfolio</i> Projek
Sumber Rujukan	Disediakan oleh pensyarah seperti senarai formula.	Pelajar bebas menggunakan rujukan.
Pengumpulan Kertas Jawapan	Pelajar memuatnaik selepas tamat penilaian dalam tempoh yang ditetapkan. Semakan penyerahan kertas jawapan akan dibuat oleh pensyarah.	Pelajar boleh memuatnaik kertas jawapan pada bila-bila masa sepanjang tempoh penilaian yang ditetapkan.
Contoh Aplikasi yang Boleh Digunakan		

(Rujuk Garis Panduan Perkara 1.3)

7. Bagaimanakah memastikan soalan yang digubal adalah sesuai untuk Peperiksaan Akhir/ Penilaian Akhir PAIt?

Perkara berikut perlu dirujuk bagi memastikan soalan yang digubal adalah sesuai untuk Peperiksaan Akhir/ Penilaian Akhir PAIt.



(Rujuk Garis Panduan Perkara 2.1)

8. **Bagaimana cara memastikan Peperiksaan Akhir/ Penilaian Akhir PAIt mempunyai kesahan (*validity*), kebolehpercayaan (*reliability*) dan keadilan (*fairness*) dalam pelaksanaannya?**

Proses *vetting* perlu dilaksanakan bagi memastikan Peperiksaan Akhir/ Penilaian Akhir PAIt memenuhi perkara tersebut. Kaedah penilaian alternatif perlu sejajar dengan CLO, aras taksonomi domain kognitif, psikomotor dan afektif yang ditetapkan dalam kurikulum serta merujuk kepada FEIST/ FAIST/ JSU PA.

(Rujuk Garis Panduan Perkara 2.2)

KESAHAN KANDUNGAN	PENETAPAN NISBAH	FORMAT PENULISAN	VETTING SOALAN	KESELARASAN SOALAN
<p>Merujuk:</p> <ul style="list-style-type: none">❖ <u>Dokumen kurikulum</u>❖ <u>Merujuk FEIST/JSU PA/ FAIST</u>	<p>Merujuk Kurikulum Kursus:</p> <p><u>Penetapan nisbah penilaian berbeza mengikut kursus</u></p>	<p>Merujuk Panduan Penyediaan dan <u>Penulisan Kertas Soalan & Peraturan Pemarkahan</u></p>	<p>Vetting soalan oleh:</p> <ul style="list-style-type: none">❖ <u>Ketua Program/ Ketua Kursus/ Ketua Kursus/ Ketua Jabatan/ Timbalan Pengarah</u>	<p><u>Selaras bagi kursus yang sama di sesebuah institusi</u></p>

9. **Bagaimana untuk mengurangkan risiko meniru di kalangan pelajar dan meningkatkan kesahan?**

Perkara berikut perlu diberi penekanan bagi mengurangkan risiko meniru antara pelajar:

- Membina soalan berasaskan aplikasi dan situasi. Contohnya, pelajar diminta untuk memberi huraian atau pendapat.
- Membina soalan yang berbentuk pengiraan dengan parameter dan senario yang berbeza.
- Membina soalan yang mana jawapan tidak dapat disalin terus dari carian internet.

(Rujuk Garis Panduan Perkara 2.2.1)

10. **Adakah soalan Peperiksaan Akhir/ Penilaian Akhir PAIt selaras di antara institusi?**

Soalan PAIt adalah tidak selaras di antara institusi. Sekiranya ingin diselaraskan, institusi terlibat perlu memastikan tiada berlakunya kebocoran soalan.

(Rujuk Garis Panduan Perkara 2.2.5).

11. Adakah Peperiksaan Akhir/ Penilaian Akhir PAIt boleh dilaksanakan secara bersemuka serta dalam talian secara serentak?

Peperiksaan Akhir/ Penilaian Akhir dengan kaedah Penilaian Alternatif boleh dilaksanakan secara hibrid dalam satu masa mengikut kemampuan fasiliti institusi masing-masing.

(Rujuk Garis Panduan Perkara 1.1)

12. Adakah soalan Peperiksaan Akhir/ Penilaian Akhir PAIt secara bersemuka boleh digunakan untuk Peperiksaan Akhir/ Penilaian Akhir PAIt secara dalam talian?

Sekiranya soalan Peperiksaan Akhir/ Penilaian Akhir PAIt secara bersemuka dibangunkan menggunakan prinsip Penilaian Alternatif, soalan tersebut boleh digunakan untuk bersemuka serta dalam talian. Sekiranya soalan dibangunkan dalam bentuk Peperiksaan Akhir/ Penilaian Akhir biasa, soalan tersebut tidak sesuai digunakan secara dalam talian.

13. Bolehkah FEIST/ FAIST/ JSU PA Sesi 1: 2021/2022 diubah untuk disesuaikan dengan pelaksanaan tidak segerak? Sekiranya boleh, siapakah yang perlu mengesahkan FEIST/ FAIST/ JSU PA tersebut?

Boleh. FEIST/ FAIST/ JSU PA Sesi 1 2021/2022 yang diubahsuai beserta justifikasi perlu disahkan oleh Timbalan Pengarah (TP)/ Timbalan Pengarah Akademik (TPA)/ Ketua Jabatan (KJ) institusi.

14. Adakah tempoh masa Peperiksaan Akhir/ Penilaian Akhir PAIt boleh diselaraskan untuk semua kursus?

Tempoh masa Peperiksaan Akhir/ Penilaian Akhir PAIt bagi Sesi 1: 2021/2022 adalah mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan dalam FEIST bagi memastikan keselarasan antara bilangan soalan, jenis soalan dan masa yang telah ditetapkan.

15. Adakah perlu soalan Peperiksaan Akhir/ Penilaian Akhir secara PAIt disemak oleh Panel Penilai Luar seperti soalan Peperiksaan Akhir?

Soalan Peperiksaan Akhir/ Penilaian Akhir secara PAIt perlu melalui proses *vetting* (semakan) oleh Panel Penilai (TP/KJ/KPro) atau pensyarah utama bidang dengan menggunakan Borang *Vetting* seperti di Lampiran 2 dalam Garis Panduan. *Vetting* soalan oleh Panel Penilai Luar boleh dilaksanakan sekiranya institusi mempunyai peruntukan kewangan bagi tujuan tersebut.

16. Berapakah bilangan soalan dan tempoh masa yang sesuai bagi Peperiksaan Akhir/ Penilaian Akhir PAIt?

Bilangan soalan dan tempoh masa yang sesuai adalah bergantung kepada jenis soalan dan FEIST/ FAIST/ JSU PA.

Amalan baik daripada *Eberly Center of Testing Excellence at Carnegie Mellon University & Kansas Curriculum Center's David Clay* mencadangkan:

- i. Masa menjawab pelajar bersamaan gandaan 2-3 masa menjawab pensyarah.
- ii. Pemberatan markah selari dengan jumlah masa menjawab.
- iii. Bilangan soalan bergantung kepada tempoh peperiksaan.

Type	Estimate Time
<i>True-False</i>	<i>20 – 30 sec</i>
<i>MCQ (Factual)</i>	<i>40 – 60 sec</i>
<i>One-word-fill</i>	<i>40 – 60 sec</i>
<i>MCQ (Complex)</i>	<i>70 – 90 sec</i>
<i>Matching (5 Stems/ 6 choices)</i>	<i>2 – 4 minutes</i>
<i>Short-Answer</i>	<i>2 – 4 minutes</i>
<i>Multiple Choice (calculations)</i>	<i>2 – 5 minutes</i>
<i>Word problem (simple arithmetic)</i>	<i>5 – 10 minutes</i>
<i>Short Essays</i>	<i>15 – 20 minutes</i>
<i>Drawing Model/ labelling</i>	<i>20 – 30 minutes</i>
<i>Extended/ Long Essay</i>	<i>30 minutes</i>

NITKO & BROOKHART, 2010

17. Bolehkah penilaian amali dilaksanakan dengan kaedah Penilaian Alternatif?

Boleh. Peperiksaan Akhir/ Penilaian Akhir (luar waktu PdP) yang menilai tahap kognitif, psikomotor dan afektif termasuk penilaian amali boleh dilaksanakan dengan kaedah penilaian alternatif.

(Rujuk Garis Panduan Perkara 2.1.1)

18. Bagaimanakah pengawalan atau kerahsiaan proses penggubalan soalan Peperiksaan Akhir/ Penilaian Akhir PAIt secara dalam talian?

Proses penggubalan dan semakan soalan perlu dilaksanakan dalam persekitaran platform terkawal yang mempunyai akses terhad bagi memelihara tahap kerahsiaan soalan. Kaedah kawalan akses dokumen seperti penetapan *password* boleh digunakan bagi tujuan tersebut. (Amalan Baik: Unit Peperiksaan PPD, PSP, KK Hulu Langat, KK Kuala Langat).

19. Perlukah institusi mengikut Jadual Waktu Peperiksaan Akhir Politeknik yang dikeluarkan oleh Bahagian Peperiksaan dan Penilaian (BPN)?

Jadual Waktu Peperiksaan Akhir Politeknik Malaysia yang dikeluarkan oleh BPN boleh dijadikan rujukan. Institusi boleh menggunakan jadual tersebut atau dipinda mengikut kesesuaian institusi dan pelajar setelah mengambil kira keadaan semasa.

20. Adakah tempoh masa menjawab Peperiksaan Akhir/ Penilaian Akhir PAIt dengan menggunakan bentuk penilaian *online examination* sama seperti bersemuka?

Tempoh masa menjawab Peperiksaan Akhir/ Penilaian Akhir PAIt adalah merujuk kepada FEIST/ FAIST/ JSU PA. Pertambahan masa 30 minit persediaan dan 30 minit penghantaran jawapan diberikan bagi penilaian berbentuk *online examination*. (Rujuk Garis Panduan Perkara 1.3)

21. Adakah FEIST/ FAIST/ JSU PA bagi kursus kurikulum lama menggunakan FEIST sedia ada sebelum sesi 1 2021:2022?

Ya, FEIST bagi kursus kurikulum lama boleh merujuk kepada FEIST sediaada di dalam CIDOS.

22. Bagaimana memastikan integriti dan etika dalam pelaksanaan Peperiksaan Akhir/ Penilaian Akhir PAIt?

Pelajar perlu membuat perakuan melalui Borang Akuan Pelajar (Lampiran 3) menyatakan bahawa setiap skrip jawapan PAIt yang dikemukakan adalah hasil kerja sendiri dan bukan meniru atau plagiat.

(Rujuk Garis Panduan Bahagian 3)

23. Adakah moderasi pemeriksaan skrip jawapan pelajar perlu dilaksanakan bagi Peperiksaan Akhir/ Penilaian Akhir PAIt?

Ya. Pelaksanaan proses moderasi adalah merujuk kepada Garis Panduan Moderasi Pemeriksaan Skrip Jawapan Pelajar.

(Rujuk Garis Panduan Bahagian 3)

24. Apakah tindakan yang akan diberikan terhadap pelajar yang melakukan penyelewengan akademik dalam Peperiksaan Akhir/ Penilaian Akhir PAIt?

Pelajar yang telah dibuktikan meniru, menipu, berkelakuan mengikut cara yang boleh ditafsir sebagai meniru dan menipu akan dimansuhkan markah penilaian bagi kursus berkenaan dan diberikan Gred F dengan Nilai Mata 0.00.

(Rujuk Garis Panduan Perkara 4.1)

25. Adakah pensyarah perlu menyimpan semua penilaian alternatif yang dilaksanakan?

Ya, segala bentuk penilaian yang telah dilaksanakan perlu disimpan dalam bentuk hardcopy/ softcopy hasil penilaian beserta skema pemarkahan atau rubrik berkaitan bagi tujuan rekod dan akreditasi.

(Rujuk Garis Panduan Perkara 4.2)

26. Apakah syarat lulus Peperiksaan Akhir/ Penilaian Akhir PAIt dan bolehkah semakan semula PAIt dilakukan?

Syarat lulus PAIt dan semakan semula PAIt adalah seperti yang tertakluk dalam Arahan-arahan Peperiksaan dan Kaedah Penilaian Politeknik/ Peraturan Peperiksaan dan Kaedah Penilaian Kolej Komuniti yang sedang berkuatkuasa.